

Ruj Kami : PJK/HEP/600/01/01 (03)
Tarikh : 20 Jun2012

Kepada Pelajar Senior

Tuan/Puan

LAPOR DIRI / PENDAFTARAN KURSUS PELAJAR SENIOR POLITEKNIK JELI KELANTAN SESI JUN 2012

Perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa lapor diri dan pendaftaran kursus bagi pelajar senior yang berstatus Kedudukan Baik (KB), Kedudukan Bersyarat (KS), Mengulang Semester (MS), Tangguh Pengajian atau Tamat Latihan Industri akan dilaksanakan seperti berikut:

Pembayaran Yuran Pengajian	Perjumpaan Dengan Penasihat
<p>Tarikh: 21 Jun 2012 * Hingga 07 Julai 2012</p> <p>* Tertakluk Kepada Pengumuman Keputusan Peperiksaan atau Setelah Semakan oleh Unit Latihan dan Perhubungan Industri – Bagi Pelajar Tamat Latihan Industri</p>	<p>SEMUA PELAJAR DIKEHENDAKI BERJUMPA DENGAN PENASIHAT AKADEMIK</p> <p>Tarikh : 12 Julai 2012 Masa : 9.00 pg. Tempat : Jabatan Kejuruteraan Elektrik Bagi pelajar yang ada kursus bawa (carry modul), Saudara/i dinasihatkan supaya berjumpa Penasihat Akademik sebelum mendaftar kursus.</p>
Lapor Diri Mendaftar Kursus	
Tarikh: 9 Julai hingga 11 Julai 2012	
Kuliah / Bengkel Bermula	
15 Julai 2012	
NOTIS UNTUK PELAJAR SENIOR	
PELAJAR-PELAJAR YANG MENDAFTAR LEWAT DARIPADA TARIKH-TARIKH DI ATAS DEKEHENDAKI HADIR BERSAMA PENJAGA MASING-MASING.	

3. Tuan/puan mesti membuat bayaran yuran pengajian sehari sebelum membuat lapor diri. Bayaran yuran pengajian adalah seperti di bawah:

Perkara	Yuran Pengajian	Jumlah
Lapor Diri	RM200.00	RM200.00

Bayaran mesti dibankkan di **Bank Islam Malaysia Berhad** ke dalam akaun **POLITEKNIK KPT**, nombor akaun **16018010017541** dengan hanya menggunakan slip pembayaran bil yang terdapat di bank. Bayaran boleh dibuat setelah tuan/puan mendapat keputusan peperiksaan semester ini. Bagi pelajar yang baru menamatkan latihan industri, bayaran hanya boleh dibuat setelah laporan latihan industri disemak oleh pihak Unit Perhubungan dan Latihan Industri.

4. Bagi pelajar yang menambah semester dan insuran perlindungan diri telah tamat tempoh, tuan/puan mesti membuat bayaran sebanyak RM30.00 di Pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk dikemaskini rekod pembayaran insuran sebelum membuat lapor diri.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menjalankan tugas,

(IROZI BIN ISMAIL)

b.p Pengarah

Politeknik Kota Bharu.

- s.k 1. Timbalan Pengarah Akademik
 2. Ketua-ketua Jabatan
 3. Ketua-ketua Unit
 4. Pegawai Eksekutif Tinggi